



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Subjek	:	KEPERLUAN BARU PENGEKSPORTAN MAKANAN
Topik	:	KEPERLUAN PENGEKSPORTAN IKAN DAN HASILAN IKAN KE CHINA
Tanggungjawab	:	PENGEKSPORT

Untuk makluman, setiap pengeksportan konsainan ikan dan hasilan ikan ke China perlu diiringi dengan Sijil Kesihatan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Sijil Kesihatan hanya dikeluarkan untuk konsainan yang mematuhi keperluan baru pengeksportan ikan dan hasilan ikan ke China seperti berikut:

- a) Vesel perikanan yang mempunyai kemudahan *freezing or refrigeration function* untuk memproses ikan yang ditangkap dan dibekukan/ disejukkan kepada produk akhir yang sedia dieksport ke China **perlu** berdaftar dan diluluskan oleh *General Administration of Customs of the People's Republic of China* (GACC) melalui pihak *Competent Authority* Malaysia;
- b) Vesel perikanan jenis *Factory Vessel* dan *Transport Fishing Vessel* **perlu** berdaftar dan diluluskan oleh GACC melalui pihak *Competent Authority* Malaysia;
- c) Vesel perikanan selain jenis (a) dan (b) di atas juga **perlu** berdaftar dengan pihak Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) / Jabatan Perikanan Sabah;
- d) Ladang akuakultur perikanan **perlu** berdaftar dengan pihak DOF;
- e) *Middleman* untuk bahan mentah ikan dan hasilan ikan **perlu** berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- f) Sumber bahan mentah ikan dan hasilan ikan yang diimport **perlu** daripada premis pemprosesan luar negara yang telah diluluskan oleh GACC bersama syarat berikut;
 - i. Sijil Kesihatan daripada negara pengeksport untuk bahan mentah import;
 - ii. Surat deklarasi daripada pengeksport bahawa bahan mentah import adalah mematuhi keperluan negara China (untuk bahan mentah import);
 - iii. Surat kelulusan sumber bahan mentah import daripada KKM
- g) Gudang penyimpanan sejukbeku untuk bahan mentah ikan dan hasilan ikan (alamat berlainan daripada premis pemprosesan) **perlu** melaksanakan sistem HACCP dan berdaftar serta diluluskan oleh GACC melalui KKM;
- h) Premis pemprosesan produk *semi-process* ikan dan hasilan ikan di Malaysia **perlu** melaksanakan sistem *Hazard Analysis and Critical Control Point* (HACCP) dan berdaftar dengan KKM;
- i) Premis pemprosesan yang membekalkan produk akhir ikan dan hasilan ikan (dalam bentuk sedia untuk dieksport) kepada premis pemprosesan yang mengeksport ke China tanpa pemprosesan lanjut bagi eliminasi bahaya makanan (contohnya hanya pembungkusan semula di premis pemprosesan yang mengeksport ke China), **perlu**

melaksanakan sistem HACCP dan berdaftar serta diluluskan oleh GACC melalui KKM;

- j) Premis pemprosesan yang menghasilkan produk akhir ikan dan hasilan ikan untuk pengeksportan ke China **perlu** melaksanakan sistem HACCP dan berdaftar serta diluluskan oleh GACC melalui KKM; dan
- k) Gudang penyimpanan sejukbeku untuk produk akhir (alamat berlainan daripada premis pemprosesan) **perlu** melaksanakan sistem HACCP dan berdaftar serta diluluskan oleh GACC melalui KKM.

Permohonan Penyenaraian

Permohonan penyenaraian *Middleman*, premis pemprosesan dan gudang penyimpanan sejukbeku produk akhir dengan KKM dan GACC perlu dibuat secara *online* melalui *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) ([https:// fosim.moh.gov.my](https://fosim.moh.gov.my))

Permohonan penyenaraian vesel perikanan dengan GACC, kelulusan sumber bahan mentah import dan gudang penyimpanan sejukbeku bahan mentah ikan dan hasilan ikan perlu dikemukakan kepada Bahagian ini melalui pos atau emel ke cheahyan@moh.gov.my

Permohonan Sijil Kesihatan, KKM

Permohonan Sijil Kesihatan, KKM perlu dibuat secara *online* melalui FoSIM dan pihak pengeksport perlu memastikan konsainan HANYA berlepas dari Malaysia selepas mendapat Sijil Kesihatan, KKM.

Dokumen sokongan tambahan selain dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pengeluaran Sijil Kesihatan bagi Produk Makanan dan Bahan Bersentuhan Makanan adalah seperti berikut:

- a) Lampiran tambahan untuk borang permohonan seperti dalam **Lampiran 1**.
- b) Lesen vesel perikanan daripada Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) (untuk bahan mentah tempatan jenis tangkapan laut);
- c) Surat Pendaftaran Ladang Akuakultur daripada DOF (untuk bahan mentah tempatan jenis akuakultur);
- d) Sijil Kesihatan daripada negara pengeport untuk bahan mentah import
- e) Surat deklarasi daripada pengeport bahawa bahan mentah import adalah mematuhi keperluan negara China (untuk bahan mentah import);
- f) Surat kelulusan sumber bahan mentah import daripada KKM; dan
- g) Bukti pembelian bahan mentah tempatan dan import.

Disediakan oleh	:	Cawangan Eksport, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2 September 2021)
-----------------	---	--

